

CUKAI JUALAN 2018

PANDUAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH BUTIRAN 5, 6 DAN 7, JADUAL B PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)
Putrajaya

20 November 2026

Penerbitan

Tarikh: 20 November 2026

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	1
2.	TERMINOLOGI	1-2
3.	PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH BUTIRAN 5, 6 DAN 7, JADUAL B PCJ (P) 2018	2-4
4.	MASA PENGECUALIAN BERKUATKUASA	4
5.	PERMOHONAN SIJIL PENGECUALIAN CUKAI JUALAN	4-5
6.	TEMPOH SAH LAKU SIJIL PENGECUALIAN	5
7.	TANGGUNGJAWAB ORANG YANG DIBERI PENGECUALIAN DI BAWAH JADUAL B	6
8.	CUKAI JUALAN MENJADI GENAP MASA DAN KENA DIBAYAR	6-7
9.	KEBAKARAN, BENCANA ALAM, KECURIAN DAN KEHILANGAN	7
10.	KES SIVIL ATAU PENGGULUNGAN SYARIKAT	8
11.	SOALAN LAZIM	9-10
PERTANYAAN		11

1. PENGENALAN

1.1. Panduan ini disediakan untuk membantu pengilang memahami pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 5, 6 dan 7, Jadual B Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (PCJ (P)) 2018.

1.2. Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai)(Pindaan)(No.2) 2026 [P.U.(A) 303/2026] telah diwartakan pada 28 Ogos 2026 dan berkuat kuasa pada 1 September 2026 dengan memasukkan Butiran 5, 6 dan 7, Jadual B.

1.3. Pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 5, 6 dan 7, Jadual B PCJ (P) 2018 diberikan kepada mana-mana pengilang bagi pengimportan, pengangkutan dan pembelian ke atas bahan mentah yang diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk digunakan dalam pengilangan makanan haiwan, baja dan racun perosak.

2. TERMINOLOGI

2.1. “Bahan mentah” merujuk kepada barang yang diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk digunakan dalam proses pengilangan makanan haiwan, baja atau racun perosak, mengikut Butiran 5, 6 atau 7, Jadual B PCJ (P) 2018.

2.2. "Borang SST-ADM" merujuk kepada borang pengisytiharan cukai atau apa-apa amaun sebagai cukai atau apa-apa wang yang dikehendaki dibayar di bawah Akta Cukai Jualan 2018.

2.3. “Ketua Pengarah” merujuk kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kastam 1967.

2.4. “Laporan CJ(P) Jadual B-01” merujuk kepada Laporan Pengimportan, Pembelian atau Pengangkutan dan Penggunaan Barang-Barang yang Diberi Pengecualian Cukai Jualan di bawah Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018.

2.5. "Mengilang” bermaksud berhubung dengan barang selain petroleum, penukaran secara manual atau mekanikal bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu produk baharu dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan- bahan itu dan termasuklah pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan. Berhubung dengan petroleum, mengilang ialah proses penapisan termasuk pemisahan, penukaran, penulenan dan pengadunan aliran penapisan atau aliran petrokimia.

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

2.6. “Pengilang” bermaksud seseorang yang melibatkan diri dalam pengilangan barang.

3. PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH BUTIRAN 5, 6 DAN 7, JADUAL B PCJ (P) 2018

3.1 Butiran 5

Pengecualian cukai jualan diberikan ke atas bahan mentah yang diluluskan oleh Menteri Kewangan kepada **pengilang makanan haiwan** untuk digunakan semata-mata dalam pengilangan makanan haiwan seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.

Bil.	Barangan	Kod Tarif
1.	Fishmeal (<60%)	2301.20.10 00
2.	Fishmeal (>60%)	2301.20.20 00
3.	Fishmeal (Other)	2301.20.90 00
4.	Rice Bran (Of rice)	2302.40.10 00
5.	Rice Bran (Other)	2302.40.90 00
6.	Wheat Pollard / Wheat Bran	2302.30.10 00
7.	Artemia Cyst / Brine Shrimp Eggs	0511.91.20 00
8.	Animal-grade Fish Oil	1504
9.	Lysine	2922.41.00 00
10.	Methionine	2930.40.00 00
11.	Dicalcium Phosphate	2835.25.10 00
12.	Monodicalcium Phospahate	2835.22.00 00
13.	L-Valine	2922.49.00 00
14.	Threonine	2922.50.00 00
15.	L-Arginine	2925.29.00 00
16.	Premix-Super MS	2309.90.20 00
17.	Premix (General)	2309.90.90 00
18.	Canola Meal	2306.41.10 00
19.	Meat & Bone Meal / Poultry Meal	2301.10.00 00

Jadual 1: Senarai bahan mentah bagi pengilangan makanan haiwan

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

3.2 Butiran 6

Pengecualian cukai jualan diberikan ke atas bahan mentah yang diluluskan oleh Menteri Kewangan kepada **pengilang baja** untuk digunakan semata-mata dalam pengilangan baja seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2.

Bil.	Barangan	Kod Tarif
1.	Rock Phosphate (Calcined)	2510.20.90 00
2.	Ground Apatite (Rock Phosphate)	2510.20.10 00
3.	Borax (Other)	2840.19.00 00
4.	Dolomite (Not calcined)	2518.10.00 00
5.	Magnesium Sulphate	2833.21.00 00
6.	Kaolin / Kaolinic clays	2507.00.00 00
7.	Mineral Oil & Fatty Derivatives	3402.90.99 00
8.	Monopotassium Phosphate (MKP)	2835.24.00 00
9.	Potassium Nitrate	2834.21.00 00
10.	Dolomite (Calcined)	2518.20.00 00

Jadual 2: Senarai bahan mentah bagi pengilangan baja

3.3 Butiran 7

Pengecualian cukai jualan diberikan ke atas bahan mentah yang diluluskan oleh Menteri Kewangan kepada **pengilang racun perosak** untuk digunakan semata-mata dalam pengilangan racun perosak seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3.

Bil.	Barangan	Kod Tarif
1.	Glyphosate (incl. salts)	2931.49.10 00
2.	Glufosinate (incl. salts)	2931.90.90 00
3.	2,4-D (incl. salts & esters)	2918.99.00 00
4.	Cypermethrin	2926.90.00 00
5.	Cartap (incl. salts)	2930.20.00 00
6.	Emamectin Benzonate	2941.90.00 00
7.	Abamectin	2941.90.00 00

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Bil.	Barangan	Kod Tarif
8.	Chlorothalonil	2926.90.00 00
9.	Isoprothiolane	2934.99.90 00
10.	Brodifacoum	2932.20.10 00

Jadual 3: Senarai bahan mentah bagi pengilangan racun perosak

3.4 Mana-mana pengilang yang diluluskan pengecualian di bawah Jadual B hendaklah mematuhi syarat-syarat butiran yang ditetapkan di bawah PCJ (P) 2018 seperti di ***Lampiran 1,*** termasuk sebarang pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa**.**

3.5 Syarat-syarat lain yang harus dipatuhi oleh pengilang adalah seperti berikut:

(i) Apa-apa barang yang diberikan pengecualian hendaklah tidak dilupuskan, dijual, dipindahkan dalam negara atau tidak diakaunkan, dengan syarat bahawa bayaran cukai telah dibuat.

(ii) Mana-mana orang yang diberikan pengecualian hendaklah menyimpan rekod atau akaun barang yang diimport, diangkut atau dibeli.

(iii) Rekod atau akaun itu tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa.

4. MASA PENGECUALIAN BERKUAT KUASA

4.1. Pengecualian daripada pembayaran cukai jualan mula berkuat kuasa pada masa:

(i) sijil itu dikemukakan kepada pegawai yang hak semasa pengimportan atau pengangkutan barang; atau

(ii) sijil itu dikemukakan kepada pengilang berdaftar semasa pembelian barang pengilangan tempatan.

4.2. Nombor kelulusan sijil pengecualian hendaklah dicatatkan pada:

(i) borang pengikraran import yang berkenaan semasa pengimportan atau pengangkutan; dan

(ii) invois barang bercukai yang dibeli daripada pengilang berdaftar.

5. PERMOHONAN SIJIL PENGECUALIAN CUKAI JUALAN

5.1. Mulai 1 September 2026, permohonan sijil pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 5, 6 dan 7, Jadual B PCJ (P) 2018 hendaklah dibuat melalui portal MySST.

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

5.2. Tatacara permohonan sijil pengecualian boleh dirujuk kepada manual pengecualian di https://mysst.customs.gov.my/about-exemption.

5.3. Pengilang hendaklah memastikan **sijil pengecualian** yang sah telah **dijana sebelum transaksi** pengimportan, pengangkutan atau pembelian dilakukan.

5.4. Pengecualian hanya boleh digunakan bagi barangan dan kuantiti yang dimohon di dalam sijil pengecualian cukai jualan. Kuantiti barang tersebut adalah mengikut keperluan pengilang.

5.5. Pengilang dibenarkan untuk membuat penambahan barang melalui portal MySST selagi tarikh sah laku sijil pengecualian belum tamat.

5.6. Sekiranya kuantiti barang dalam sijil pengecualian tidak mencukupi atau telah habis digunakan, pengilang hendaklah menambah semula barang yang sama ke dalam sijil pengecualian melalui portal MySST dan memasukkan kuantiti tambahan yang diperlukan bagi barang tersebut.

5.7. Pengilang hendaklah **mengemukakan sijil pengecualian cukai jualan semasa membuat pengimportan, pengangkutan atau pembelian** daripada pengilang berdaftar.

5.8. Mana-mana pengilang yang memohon pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 5, 6 atau 7, Jadual B hendaklah memiliki **Lesen Pengilang (ML) atau Surat Pengesahan Pengecualian Lesen Pengilang** yang masih sah dan berkuat kuasa pada tarikh permohonan, sebagaimana yang disyaratkan di bawah butiran berkaitan dalam Jadual B, PCJ (P) 2018, termasuk apa-apa pindaan yang berkuat kuasa.

5.9. Sijil pengecualian cukai jualan dikemukakan bersama Lesen Pengilang (ML) atau Surat Pengesahan Pengecualian Lesen Pengilang seperti contoh dalam **Lampiran 2 dan 3** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

5.10. Jika pengilang hendak membatalkan barang (*delete* item) atau sijil pengecualian cukai jualan yang telah diluluskan, pengilang perlu mengemukakan permohonan bertulis menggunakan *letterhead* syarikat kepada Bahagian CDN yang mengawal berserta dengan borang permohonan seperti di **Lampiran 4** atau **5.** Borang permohonan boleh dimuat turun daripada portal MySST https://mysst.customs.gov.my/sst-forms.

6. TEMPOH SAH LAKU SIJIL PENGECUALIAN

6.1. Tempoh sah laku sijil pengecualian di bawah Jadual B ialah satu (1) tahun dari tarikh kuatkuasa sijil pengecualian tersebut.

6.2. Sekiranya sijil pengecualian telah tamat tempoh sah lakunya, syarikat perlu membuat permohonan yang baharu (jika perlu).

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

7. TANGGUNGJAWAB ORANG YANG DIBERI PENGECUALIAN DI BAWAH JADUAL B

7.1. Pengilang hendaklah mengemukakan permohonan sijil pengecualian cukai jualan mengikut tatacara permohonan seperti di para 6.

7.2. Pengilang hendaklah mengemukakan sijil pengecualian cukai jualan tersebut semasa membuat pengimportan, pengangkutan atau pembelian daripada pengilang berdaftar.

7.3. Pengecualian cukai jualan adalah terhad kepada barang yang diluluskan sahaja dan barang tersebut digunakan semata-mata di dalam pengilangan makanan haiwan, baja dan racun perosak.

7.4. Memastikan barang tersebut tidak boleh dilupus, dijual atau dipindah milik kepada pihak lain tanpa kebenaran bertulis daripada stesen kastam yang mengawal. Prosedur pelupusan boleh dirujuk kepada Panduan Pelupusan di portal MySST.

7.5. Pengilang yang diberi pengecualian di bawah Jadual B, perlu menyediakan laporan seperti dalam Jadual 4.

Laporan	Butiran	Tanggungjawab	Tempoh Pelaporan
Laporan CJ(P) Jadual B-01	5, 6 dan 7	Pengilang	Setiap tiga (3) bulan dari tarikh sijil pengecualian berkuatkuasa

Jadual 4: Laporan Yang Perlu Disediakan di bawah Jadual B

7.6. Format laporan yang perlu disediakan adalah seperti di **Lampiran 6** dan boleh dimuat turun melalui portal MySST https://mysst.customs.gov.my/sst-forms.

7.7. Laporan yang lengkap dan ditandatangani oleh pegawai syarikat yang diberi kuasa hendaklah disediakan dan disimpan untuk tujuan rekod. Walau bagaimanapun, laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada pegawai kanan cukai jualan atau pegawai audit pada bila-bila masa bagi tujuan semakan.

7.8. Sekiranya orang yang diluluskan tidak mematuhi apa-apa syarat yang telah ditetapkan, cukai jualan akan menjadi genap masa dan kena dibayar (*due and payable*) pada tarikh syarat itu tidak dipatuhi.

8. CUKAI JUALAN MENJADI GENAP MASA DAN KENA DIBAYAR

8.1. Pengilang yang diberi pengecualian di bawah Jadual B dan tidak mematuhi apa-apa syarat yang berhubungan dengan pengecualian, cukai jualan yang menjadi perkara kepada pengecualian itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar oleh pengilang itu pada tarikh mana-mana syarat itu tidak dipatuhi.

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

8.2. Pembayaran cukai jualan yang menjadi genap masa boleh dibuat dalam borang SST-ADM beserta lampiran berikut:

(i) Borang Pengikraran Pelanggaran Syarat Pengecualian; atau

(ii) Penyata Pelupusan Barang-Barang Bercukai Yang Diperolehi Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018.

(Borang SST-ADM dan lampiran boleh dimuat turun daripada portal MySST di https://mysst.customs.gov.my/sst-forms)

8.3. Dokumen seperti di para 8.2 hendaklah dikemukakan ke Bahagian CDN yang mengawal dan bayaran boleh dibuat dalam bentuk cek atau deraf bank (atas nama Ketua Pengarah Kastam), tunai atau kad debit. Pembayaran boleh dibuat di kaunter Juruwang di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dibenarkan.

8.4. Sebarang pengisytiharan dan pembayaran yang dibuat di bawah SST-ADM, tidak akan menghalang Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) daripada mengambil sebarang tindakan undang-undang sekiranya terdapat sebarang pelanggaran di bawah perundangan cukai jualan.

9. KEBAKARAN, BENCANA ALAM, KECURIAN DAN KEHILANGAN

9.1. Pengilang yang diberi pengecualian cukai jualan di bawah Jadual B hendaklah melaporkan secara bertulis, sebarang kes kebakaran, bencana alam, kecurian dan kehilangan yang melibatkan barang siap yang dikilangkan dan barang yang diimport, diangkut atau dibeli dengan pengecualian selewat-lewatnya dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh kejadian kepada Bahagian CDN yang mengawal. Laporan tersebut hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:

(i) Butir-butir barang;

(ii) Kuantiti;

(iii) Nilai barang; dan

(iv) Cukai jualan yang terlibat.

9.2. Surat tersebut hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen sokongan seperti berikut:

(i) Laporan siasatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat;

(ii) Laporan polis; atau

(iii) Laporan daripada syarikat insurans.

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

10. KES SIVIL ATAU PENGGULUNGAN SYARIKAT

Pengilang yang diberi pengecualian cukai jualan di bawah Jadual B hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Bahagian CDN yang mengawal dalam tempoh **empat belas (14) hari** selepas berlakunya salah satu daripada perkara berikut:

(i) Sesuatu ketetapan untuk penggulungan syarikat;

(ii) Sesuatu perintah dibuat untuk penggulungan syarikat;

(iii) Perlantikan pelikuidasi *(liquidator)* atau penerima *(receiver)* dibuat; dan

(iv) Syarikat terlibat dengan apa-apa kes tuntutan sivil, muflis, penutupan perniagaan dan sebagainya.

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

11. SOALAN LAZIM

1. **S** : **Adakah saya layak menggunakan pengecualian sebelum tarikh berkuat kuasa sijil pengecualian?**

   J : Tidak layak menggunakan pengecualian sebelum tarikh kuat kuasa sijil pengecualian.

2. **S** : **Bolehkah bahan mentah yang diluluskan digunakan untuk pengilangan produk lain?**

   J : Tidak boleh.

3. **S** : **Sekiranya bahan mentah tidak disenaraikan dalam senarai yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, adakah permohonan untuk menambah bahan mentah tersebut ke dalam senarai berkenaan boleh dikemukakan kepada JKDM?**

   J : Tidak boleh.

4. **S** : **Adakah saya dibenarkan melantik mana-mana pihak untuk membuat pengimportan atau pembelian barang menggunakan sijil pengecualian cukai yang telah dijana oleh pihak saya?**

   J : Tidak dibenarkan.

5. **S** : **Bolehkah sijil pengecualian digunakan di premis atau oleh entiti lain?**

   J : Tidak boleh. Sijil pengecualian dikeluarkan kepada pengilang yang diluluskan.

6. **S** : **Apakah tindakah yang perlu diambil apabila sijil pengecualian tamat tempoh?**

   J : Pengilang hendaklah membuat permohonan baru dan sijil pengecualian yang tamat tempoh tidak boleh digunakan.

7. **S** : **Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya kuantiti barang dalam sijil pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 5, 6 atau 7 tidak mencukupi atau telah habis digunakan sedangkan saya masih memerlukan barang tersebut?**

   J : Sekiranya kuantiti barang dalam sijil pengecualian tersebut tidak mencukupi atau telah habis digunakan, pengilang hendaklah menambah semula barang yang sama ke dalam sijil pengecualian melalui portal MySST dan memasukkan kuantiti tambahan yang diperlukan bagi barang tersebut.

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

8. **S** : **Adakah pengilang perlu menyimpan rekod bagi barang yang dibeli dengan pengecualian cukai jualan?**

J : Ya, pengilang yang diberi pengecualian cukai jualan di bawah jadual B hendaklah menyimpan rekod pembelian bagi barang yang dibeli dengan pengecualian untuk tujuan semakan dan audit oleh pegawai kanan cukai jualan atau pegawai audit.

9 **S : Sekiranya kod tarif dan penerangan barang tidak sama seperti di Jadual 1,2 dan 3 di atas, adakah pengilang layak untuk memohon pengecualian di bawah Butiran 5, 6 dan 7 Jadual B?**

J : Pengilang tidak layak untuk mohon pengecualian di bawah Butiran 5, 6 dan 7 Jadual B.

10 **S : Kepada siapakah pihak pengilang perlu kemukakan permohonan pelupusan?**

J : Pihak pengilang hendaklah mengemukakan permohonan pelupusan dan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Bahagian / Cawangan di stesen yang mengawal.

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila hubungi:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Aras 5 & 6, Tower A, Suasana PjH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya
MALAYSIA.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

(i) Laman Web MySST: https://mysst.customs.gov.my

(ii) Pusat Panggilan Kastam:

- Tel : 1-300-888-500
- Email : ccc@customs.gov.my

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

JADUAL B/*SCHEDULE B*

(1) *Item No.*	*(2)* *Persons*	*(3)* *Goods Exempted*	*(4)* *Conditions*	*(5)* *Certificate to be Signed by*
5	Any manufacturer approved by the Director General	The goods approved by the Minister of Finance	(a) That the goods are solely used in the manufacture of animal feed products; (b) that the manufacturer shall obtain a licence for manufacturing activity issued in accordance with the Industrial Co-ordination Act 1975 [Act 156] or a confirmation letter for exemption from manufacturing licence issued by the Malaysian Industrial Development Authority (MIDA); (c) that the goods are – (i) imported; (ii) purchased from a registered manufacturer; or (iii) transported from – (A) a licensed warehouse under section 65 of the Customs Act 1967; (B) a licensed manufacturing warehouse under section 65A of the Customs Act 1967; or (C) a free zone established under the Free Zone Act 1990.	The manufacturer in column (2)

(1) *Item No.*	*(2)* *Persons*	*(3)* *Goods Exempted*	*(4)* *Conditions*	*(5)* *Certificate to be Signed by*
6	Any manufacturer approved by the Director General	The goods approved by the Minister of Finance	(a) That the goods are solely used in the manufacture of fertilizer products; (b) that the manufacturer shall obtain a licence for manufacturing activity issued in accordance with the Industrial Co-ordination Act 1975 or a confirmation letter for exemption from manufacturing licence issued by the Malaysian Industrial Development Authority (MIDA); (c) that the goods are – (i) imported; (ii) purchased from a registered manufacturer; or (iii) transported from – (A) a licensed warehouse under section 65 of the Customs Act 1967; (B) a licensed manufacturing warehouse under section 65A of the Customs Act 1967; or (C) a free zone established under the Free Zone Act 1990.	The manufacturer in column (2)

(1) *Item No.*	*(2)* *Persons*	*(3)* *Goods Exempted*	*(4)* *Conditions*	*(5)* *Certificate to be Signed by*
7	Any manufacturer approved by the Director General	The goods approved by the Minister of Finance	(a) That the goods are solely used in the manufacture of pesticide products; (b) that the manufacturer shall obtain a licence for manufacturing activity issued in accordance with the Industrial Co-ordination Act 1975 or a confirmation letter for exemption from manufacturing licence issued by the Malaysian Industrial Development Authority (MIDA); (c) that the goods are – (i) imported; (ii) purchased from a registered manufacturer; or (iii) transported from – (A) a licensed warehouse under section 65 of the Customs Act 1967; (B) a licensed manufacturing warehouse under section 65A of the Customs Act 1967; or (C) a free zone established under the Free Zone Act 1990.	The manufacturer in column (2)

ASAL
ORIGINAL

Borang ICA 7 (Pin.1/08)
Form ICA 7 (Rev. 1/08)

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI MALAYSIA

MINISTRY OF INVESTMENT, TRADE AND INDUSTRY OF MALAYSIA

AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 1975
LESEN PENGILANG
INDUSTRIAL CO-ORDINATION ACT, 1975
MANUFACTURING LICENCE

No. Siri: **A** [redacted]
(Serial No):

No. Lesen: **A** [redacted]
(Licence No):

PADA MENURUT AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 1975
IN PURSUANCE OF THE INDUSTRIAL CO-ORDINATION ACT, 1975

Saya memberi lesen kepada [redacted]
I licence (Nama pemohon/ *Applicant name*)

untuk bertindak sebagai PENGILANG BERLESEN mulai dari **17 November 2025**
to act as LICENCED MANUFACTURER as from (Tarikh/Date)

ditempat pengilangan beralamat [redacted]
at the place of manufacturing at

bagi keluaran yang dinyatakan di bawah ini dan tertakluk kepada syarat yang dilampirkan bersama ini:
for product(s) specified hereunder and subject to the conditions attached herewith:

Keluaran [redacted]
Product

Digitally signed on 27/04/2026 11:50:54

DATO' HAIRIL YAHRI BIN YAACOB
PEGAWAI PELESEN
LICENCING OFFICER

Contoh Lesen Pengilang (ML)

Ruj. MIDA : ICA10/[redacted]
No. Ruj. Fail : [redacted]

[redacted]

MALAYSIAN
INVESTMENT
DEVELOPMENT
AUTHORITY

MIDA SENTRAL
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
T : +603 2267 3633
F : +603 2267 7970
E : investmalaysia@mida.gov.my
www.mida.gov.my

Tuan,

PERMOHONAN SURAT PENGESAHAN UNTUK SYARIKAT PERKILANGAN DIKECUALIKAN DARIPADA LESEN PENGILANG DI BAWAH AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 1975 (AKTA 156)

Merujuk kepada permohonan tuan yang diterima dengan maklumat lengkap pada [redacted] mengenai perkara di atas.

2. Berikut adalah maklumat yang dikemukakan oleh tuan di dalam permohonan tersebut:-

Nama Syarikat	:	[redacted]
No Pendaftaran Syarikat	:	[redacted]
Tapak Kilang	:	[redacted]
Keluaran Dipohon	:	[redacted]
Jumlah pekerja sepenuh masa	:	[redacted] orang
Kumpulan Wang Pemegang Saham	:	RM [redacted]
Jumlah Kos Projek	:	RM [redacted]

Contoh Surat Pengesahan Pengecualian Lesen Pengilang

Lampiran 4

BORANG PERMOHONAN PEMBATALAN PENGECUALIAN (SIJIL) DI BAWAH JADUAL B DAN C PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

Nama Syarikat :

Alamat :

No Telefon :

Alamat emel :

Maklumat sijil yang dipohon pembatalan

NO.	JADUAL	BUTIRAN	NO. SIJIL PENGECUALIAN	SEBAB PEMBATALAN

Tandatangan : .....

Nama Pemohon : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Cop Rasmi Syarikat :

SURAT PERAKUAN

Saya .....no. kad pengenalan ..... wakil syarikat ..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya,

** (a) belum pernah menggunakan pengecualian (sijil) cukai jualan bernombor (senaraikan nombor sijil pengecualian)

** (b) telah menggunakan pengecualian (sijil) cukai jualan bernombor (senaraikan nombor sijil pengecualian)

2. Semua maklumat yang telah diberikan dalam borang permohonan pembatalan Pengecualian (sijil) Di Bawah Jadual B dan C Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 adalah benar dan jika sekiranya di dapati sebarang keterangan yang diberikan adalah palsu maka saya boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 87 Akta Cukai Jualan 2018.

.....

(Tandatangan pemohon)

** Potong mana yang tidak berkenaan

Lampiran 5

PERMOHONAN PEMBATALAN (*DELETE)* ITEM / BARANG BAGI SIJIL PENGECUALIAN DI BAWAH JADUAL B DAN C PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

NAMA SYARIKAT :

NO PENDAFTARAN SST :

NO SIJIL PENGECUALIAN :

JADUAL/ BUTIRAN :

ALAMAT :

MAKLUMAT ITEM / BARANG YANG PERLU DIBATALKAN (*DELETE)*:

NO.	TEMPATAN/ IMPORT	BAHAN MENTAH/ KOMPONEN/ *MANUFACTURING AIDS*/ PERALATAN *CLEANROOM*/ BAHAN PEMBUNGKUS DAN PEMBUNGKUSAN (SILA NYATAKAN)	KOD TARIF	PERIHAL BARANG	NAMA PEMBEKAL	NO. SST PEMBEKAL

SEBAB UNTUK BATAL/ *DELETE ITEM/ BARANG* **:**

……
……
……
……
……
……

TANDATANGAN :

NAMA PEMOHON :
JAWATAN :
TARIKH :
COP RASMI SYARIKAT :

Lampiran 6

LAPORAN CJ(P) JADUAL B-01

LAPORAN PEMBELIAN/ PENGIMPORTAN/ PENGANGKUTAN DAN PENGGUNAAN BARANG-BARANG YANG DIBERI PENGECUALIAN CUKAI DI BAWAH JADUAL B, PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

Nama Syarikat :		Alamat Syarikat :	
Butiran Pengecualian :			
No. Sijil Pengecualian :			
Tarikh Sah Laku Sijil :	Dari…….hingga……..		

Bil.	Perihal Barang	Nama Pembekal	Stok Permulaan pada ……		Pembelian Tempatan			Pengimportan/Pengangkutan			Digunakan dalam Pengilangan		Dilepaskan/ Dijual/ Digunakan Secara Lain		Baki Akhir Pada…… …….	
			Kuantiti	Nilai (RM)	Tarikh/ No. Invois	Kuantiti	Nilai (RM)	Tarikh / No. Invois/ No. K1	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)
JUMLAH																

** Saya akui butir-butir maklumat yang dinyatakan dalam laporan ini adalah betul dan benar.*

Tandatangan : ……..

Nama penuh : ……..

Jawatan : ……

Cop Syarikat : ……..

.